

FAKTOR PEMILIHAN ACUAN DALAM PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN

MOHAMAD ZIKRI FAIZ BIN ZAHAR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembinaan)

Fakulti Alam Bina

Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2011

PENGHARGAAN

Alhamdulillah kepada Illahi kerana memberi peluang kepada saya untuk menyempurnakan laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

Ucapan terima kasih kepada

En. Norazam Bin Othman, penyelia bagi Projek Sarjana Muda (PSM),

Mama dan ayah , Norita bte. Daud & Zahar Hj. Mohd Yunus,

Adik-adik dan rakan seperjuangan,

Buat yang teristimewa, Nurul Nadrah Khalil,

Pihak responden di sekitar Selangor dan K.Lumpur,

Tanpa dorongan serta bantuan daripada mereka, tidak mungkin laporan ini akan dapat dijalankan dan disiapkan dengan lancar. Juga bersyukur ke hadrat illahi kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-NYA membantu dalam penghasilan laporan ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia En. Norazam Othman selaku penyelia Projek Sarjana Muda ini. Tanpa bantuan, tunjuk ajar, motivasi serta kritikan membina daripada beliau tidak mungkin laporan ini akan disiapkan dengan lancar.

ABSTRAK

Pemilihan acuan oleh pihak kontraktor dalam industri pembinaan mempunyai pelbagai kaedah. Kaedah-kaedah tersebut ditentukan sendiri oleh pihak kontraktor berdasarkan kepada pelbagai aspek yang diambil kira. Antara aspek yang menjadi kaitan rapat dalam penentu bagi pemilihan tersebut ialah dari segi pengurusan projek pembinaan yang mana terdapat pelbagai aspek kecil di bawah sistem pengurusan. Sehubungan dengan itu, menjadi salah satu perkara penting bagi pihak kontraktor untuk memilih acuan dengan cara yang betul bagi menjadikan pemilihan acuan tersebut efisien. Oleh yang demikian, objektif dalam kajian adalah mengkaji faktor-faktor pemilihan acuan dalam pengurusan projek pembinaan. Borang soal selidik akan diberikan kepada pihak kontraktor sebanyak 30 buah syarikat di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Kaedah temubual juga digunakan bagi mendapat maklumat tambahan yang lebih tepat mengenai kaedah pemilihan acuan tersebut. Sehubungan dengan itu, hasil yang diperolehi oleh kajian tersebut menunjukkan mengenai kepelbagaian kaedah mengenai cara pemilihan sesebuah jenis acuan tersebut berdasarkan kesesuaian dan aspek yang diambil kira oleh pihak kontraktor.

Abstract

Selection of formwork by the contractor in the construction industry has a variety of methods. The rules are determined by the contractor based on the various aspects are taken into account. Among the aspects to be closely associated in the determination of the election is in the management of construction projects for which there are many small aspects of the management system. According to that, the important things for the contractor to select the formwork in the right way to make the selection of efficient formwork and achieve their target. Therefore, the objective of the study is to assess the factors in the selection of construction project management formwork. Questionnaires will be separates to the contractor of the 30 companies in Selangor and Kuala Lumpur. Interview method was also used to obtain more precise information about the method of selecting the formwork. Accordingly, the results obtained by the study showed that various methods on how the selection of a formwork type is based on suitability and aspects are taken into account by the contractor.